

20/11/2000

Pendekatan baru Umno gusarkan pembangkang

Kadir Dikoh

DI sebuah restoran di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur kelmarin, tiga perwakilan ke Perhimpunan Agung Khas Umno berbual panjang sambil menjamu selera bersama seorang pemuda yang baru kembali ke tanah air selepas menamatkan pengajian di Amerika Syarikat.

Sambil meneliti buku cenderamata yang mengandungi usul pindaan perlembagaan, lulusan sarjana muda dalam teknologi maklumat itu tertarik melihat perubahan yang bakal dilakukan dalam Umno tetapi bertanya apakah jaminan bahawa pindaan itu benar-benar akan dipraktikkan.

"Memang benar, perlembagaan semata-mata tidak dapat menguatkan Umno jika ahli tidak menghormati, mematuhi dan mempraktikkannya secara jujur. Perkara paling penting perlu ditangani sekarang ialah masalah politik dalam dan politik wang. Budaya cantas-mencantas mungkin boleh dikurangkan kalau pun tidak diatasi melalui pindaan ini," kata seorang perwakilan itu.

Seorang lagi daripada mereka bertanya apakah parti pembangkang kini gusar melihat perubahan yang dilakukan terhadap Umno.

"Kali ini Umno kelihatan melakukan perubahan mendadak dan sudah semestinya akan membimbangkan pembangkang. Banyak sekatan kemasukan ahli baru sudah diketepikan, pegawai Kumpulan A dibenarkan bertanding dan memegang jawatan dalam parti, masuk saja Umno sudah boleh bertanding dan wanita muda pula boleh masuk melalui Puteri Umno," celah seorang lagi daripada mereka membuat kesimpulan.

Itulah perubahan besar yang berlaku dalam Umno setelah perhimpunan itu meluluskan sebulat suara 49 daripada 50 pindaan perlembagaan parti kelmarin.

Sekarang pemuda `selekeh' yang baru balik dari luar negara itu dan mungkin ribuan generasi muda lain, mengambil sikap `tunggu dan lihat' sejauh mana Umno berupaya menambat hati mereka ketika parti pembangkang secara agresif cuba memenangi mereka, termasuk mengedar borang keahlian di merata tempat, termasuk di institusi pengajian tinggi.

Nescaya pindaan perlembagaan itu yang akan diguna pakai sebaik saja diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan, bakal menyaksikan pembaharuan bagi menjadikan Umno lebih kukuh menghadapi cabaran alaf baru. Ini dijangka mengubah imej parti berusia 54 tahun itu ke arah lebih terbuka, demokratik dan telus di samping membuka pintu seluas-luasnya kepada penyertaan golongan muda selain mengetepikan beberapa `sekatan' berkaitan prosedur menjadi ahli.

Sebelum cadangan pindaan itu disiarkan secara terperinci oleh akhbar beberapa hari sebelum Perhimpunan Agung Khas, umum melihat Umno tidak melakukan apa-apa perubahan drastik. Ini kerana mereka termasuk di kalangan ahli Umno sendiri yang cuma melihat dari sudut peraturan berkisar kepada pemilihan dalam parti. Ini termasuk isu sistem kuota pencalonan bagi pertandingan jawatan tertinggi dalam parti. Isu ini tidak dicadangkan untuk dipinda dan dengan itu ia kekal seperti sedia kala, iaitu seseorang yang ingin bertanding jawatan dalam MT perlu memperoleh sejumlah pencalonan yang ditetapkan.

Hakikatnya, cadangan pindaan perlembagaan lebih daripada itu dan Umno kini tampak mahu pergi lebih jauh daripada soal pokok yang selama ini dianggap boleh menyebabkan Umno menjadi `kaku' sehingga ada yang mengecap Umno sudah tidak relevan pada alaf baru ini. Inilah hasil pendekatan baru Umno, iaitu `berunding' dengan ahli parti peringkat akar umbi melalui

Jawatankuasa Pindaan Perlembagaan yang dipengerusikan oleh Naib Presiden, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin.

Umno mahu menyerapkan amalan yang lebih demokratik dan cuba mengambil iktibar daripada kemerosotan undinya dalam pilihan raya umum November lalu apabila ia berhadapan krisis keyakinan bukan saja di kalangan sebahagian ahlinya, malah masyarakat umum, terutama generasi muda yang lebih cenderung kepada sifat tradisional `anti-establishment'.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam sidang akhbar selepas perhimpunan itu, berkata Umno kini lebih terbuka kepada semua orang Melayu dan Bumiputera lain, di samping membuka pintu luas untuk penyertaan golongan muda.

Presiden Umno itu berkata, disebabkan itu juga ia menubuhkan Puteri Umno bagi membolehkan mereka yang tidak begitu selesa menyertai Pergerakan Wanita untuk berbuat demikian melalui saluran Puteri.

"Kita mahu lebih ramai orang muda menyertai (Umno) pada peringkat usia yang masih muda. Bagi tujuan itu juga, walaupun tidak membabitkan pindaan, kita meminta Pergerakan Pemuda untuk berusaha membawa masuk mereka yang masih muda.

"Ini sudah tentu akan membolehkan ahli baru memahami perjuangan Umno dan matlamatnya. Ini yang amat penting," katanya melahirkan rasa puas hati terhadap pindaan itu dan sokongan sebulat suara 2,023 perwakilan.

Mungkin ramai mempersoalkan tindakan mengadakan perbahasan terhadap usul pindaan perlembagaan itu secara tertutup kelmarin. Mungkin tindakan `tutup pintu' itu dirasakan lebih banyak mendatangkan kebaikan daripada keburukan.

"Kita tahu anasir yang tidak bertanggungjawab, termasuk pembangkang, wartawan asing dan mereka yang mewakili media yang pro-pembangkang boleh `mengutip' apa saja bahan negatif daripada perbahasan. Ini boleh digunakan untuk menikam balik Umno dari belakang," kata seorang perwakilan yang meminta maaf kepada media massa kerana tindakan itu.

Namun, rata-rata perwakilan negeri yang mengambil bahagian dalam perbahasan itu menyokong usul pindaan perlembagaan meskipun kedengaran suara yang membuat bantahan, termasuk isu penubuhan Puteri Umno.

Malah, ada yang mengemukakan beberapa cadangan baru dalam usaha menangani isu agama yang banyak digunakan oleh parti pembangkang dalam serangan terhadap Umno.

Umno yang muncul selepas Perhimpunan Agung Khas kelmarin sebenarnya adalah Umno yang berjiwa baru dan sedang mengalami proses peremajaan yang terhasil daripada percantuman idea, buah fikiran dan tolak ansur semua pihak, termasuk MT.

Memetik kata seorang perwakilan yang berucap kelmarin bahawa `Perlembagaan semata-mata tidak dapat mengukuhkan Umno' sudah cukup memberi gambaran bahawa perlembagaan dan peraturan tidak berguna jika ahli tidak menghormati serta mematuhi.

Malah, pindaan yang diluluskan bagi membolehkan pegawai Kumpulan A menawarkan diri untuk bertanding - jika dipilih, mereka boleh memegang jawatan dalam parti - membuka satu lagi lembaran baru dalam Umno. Sebelum pindaan itu, Perlembagaan Umno tidak membenarkan pegawai Kumpulan A bertanding sebarang jawatan dalam parti.

Sebenarnya, pegawai berkenaan mempunyai hak untuk menawarkan diri bertanding apa-apa jawatan dalam parti. Hakikat bahawa Perintah Am melarang pegawai-pegawai Kumpulan A memegang jawatan dalam parti adalah soal antara ahli itu dengan majikannya. Sebagai ahli Umno, mereka tidak harus didiskriminasikan, seolah-olah mereka mempunyai hak yang kurang daripada ahli Umno yang lain.

"Hak mereka seharusnya dikembalikan kepada mereka. Mereka mungkin mahu membalas jasa Umno kepada mereka yang mendapat faedah yang banyak daripada

perjuangan kita sehingga mereka menjadi pegawai tinggi kerajaan.

"Sebenarnya, Umno tidak kerugian besar kerana menafikan kumpulan ini daripada bergiat cergas menyumbang khidmat bakti kepada parti. Mungkin juga kalau mereka terpilih di mana-mana jawatan dalam parti, mereka akan meletakkan jawatan daripada perkhidmatan awam dan mencari pekerjaan lain atau memasuki sektor korporat," kata Muhyiddin.

Yang penting ialah Umno diperkukuhkan dengan sumbangan tenaga mahir dan pengalaman yang berguna di kalangan pegawai itu.

Penubuhan Puteri Umno yang dibolehkan melalui pindaan itu juga memberi nafas baru kepada wanita muda sebagai saluran alternatif mereka menyertai Umno. Mereka diberi pilihan sama ada untuk terus menganggotai Pergerakan Wanita atau Puteri tetapi akhirnya mereka juga akan bersama Pergerakan Wanita apabila umur sudah meningkat. MT akan menentukan struktur seperti umur dan garis panduan berkaitan.

Apa yang perlu diingat ialah Puteri Umno tidak harus dilihat semata-mata sebagai wadah untuk golongan profesional seperti yang sering ditekankan ramai pihak.

Ramai lagi wanita muda di kalangan pekerja kilang, suri rumah dan yang bertugas dalam kumpulan sokongan di sektor awam atau swasta, boleh dibawa masuk ke dalam Puteri Umno.

Golongan inilah sebenarnya boleh menggerakkan Umno sebagai kumpulan sokongan dengan tenaga mereka amat berguna sewaktu pilihan raya atau menganjurkan sebarang majlis keramaian.

(END)